PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**BERTULIS**
DARIPADA	:	**YB DATUK DR. MAKIN@ MARCUS MOJIGOH**
KAWASAN	:	**PUTATAN**
NO. SOALAN	:	**150**

YB Datuk Dr. **Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-

(a) berapakah jumlah pelaburan negara Malaysia ke negara China dan berapa pula jumlah pelaburan negara China ke negara Malaysia; dan

(b) apakah pandangan dan pendekatan negara China mengenai TPPA – Trans-Pacific Partnership Agreement.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan statistik dari Kementerian Perdagangan Republik Rakyat China (RRC), sehinga 31 Disember 2013, jumlah pelaburan China di Malaysia adalah sebanyak USD0.9 bilion. Manakala pelaburan negara Malaysia ke RRC secara kumulatif adalah USD6.6 bilion.

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia dan RRC mempunyai hubungan diplomatik dan perniagaan yang erat, RRC juga dalah rakan dagang yang utama bagi Malaysia. Keanggotaan sesebuah negara dalam TPPA adalah atas prinsip sukarela dan Malaysia mengalu-alukan penyertaan China atau mana-mana negara APEC menyertai rundingan TPPA.

Dalam pada itu, negara China sentiasa mengikuti perkembangan dalam rundingan TPP.